



## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DAN PEMILIHAN PEMENANG ANUGERAH EMAS KEDOKTORAN DAN ANUGERAH EMAS SARJANA UKM**

### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Pusat Siswazah dengan kelulusan Senat telah mewujudkan Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana. Selepas penstrukturran, Pusat Pengurusan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia (AKADEMIK UKM) telah mengambil alih sebagai Urusetia Anugerah Pascasiswazah tersebut. Tujuan anugerah ini diwujudkan adalah untuk menghargai dan mengiktiraf pelajar pascasiswazah yang cemerlang dan berjaya. Anugerah Emas ini akan dianugerahkan kepada pemenang semasa Majlis Konvokesyen UKM.
- 1.2 Pemenang anugerah ini dipilih mengikut dua gugusan bidang berbeza iaitu:
- Sains, Teknologi dan Kesihatan; dan
  - Sains Sosial.
- Dua orang pemenang akan dipilih daripada setiap gugusan bidang bagi menerima anugerah tersebut mengikut peringkat pengajian iaitu seorang bagi kategori Kedoktoran dan seorang bagi kategori Sarjana. Jumlah pemenang setiap tahun adalah empat (4) orang.

BIL.	NAMA ANUGERAH/ KATEGORI	BIDANG
1.	Anugerah Emas Kedoktoran	Doktor Falsafah dalam bidang: i. Sains, Teknologi dan Kesihatan; dan ii. Sains Sosial
2.	Anugerah Emas Sarjana	Sarjana (Mod Penyelidikan) dalam bidang: i. Sains, Teknologi dan Kesihatan; dan ii. Sains Sosial

### **2.0 KRITERIA PEMENANG**

- 2.1 **Kriteria Am**
- Calon tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan tatatertib atau mempunyai kes tatatertib yang masih tertangguh keputusannya oleh Universiti/ Jawatankuasa Tatatertib Universiti sepanjang tempoh pengajian;
  - Calon tidak mempunyai apa-apa yuran tertunggak;
  - Calon telah mendapat surat pengesahan tamat pengajian daripada Senat UKM;
  - Tempoh pengajian calon:

Calon telah menyiapkan dan menyerahkan tesis/disertasi dalam tempoh masa pengajian seperti berikut:

<b>Doktor Falsafah</b>	Maksimum 8 semester bagi pelajar sepenuh masa Maksimum 10 semester bagi pelajar separuh masa
------------------------	---

<b>Sarjana (Mod Penyelidikan)</b>	Maksimum 6 semester bagi pelajar sepenuh masa Maksimum 8 semester bagi pelajar separuh masa
---------------------------------------	--

**2.2 Tesis/ Disertasi**

Calon hendaklah mendapat perakuan penilaian Tesis/Desertasi sekurang-kurangnya sebagai BAIK.

**2.3 Penerbitan**

- i. Memenuhi syarat minimum penerbitan bagi pengijazahan seperti yang ditetapkan oleh program berkaitan.
- ii. Penerbitan tanpa nama Penyelia Utama dan/atau Penyelia tidak akan dipertimbangkan.
- iii. Hanya penerbitan dengan afiliasi UKM akan diambil kira dalam penilaian.
- iv. Penerbitan mestilah berkaitan dengan disiplin pengajian pelajar.
- v. Penerbitan yang diambil kira adalah penerbitan yang diterbitkan dalam tempoh pengajian dan telah didaftarkan dalam e-ReP (sama ada terindeks atau tidak).

**2.4 Persidangan**

Calon telah mengambil bahagian sebagai pembentang dalam persidangan antarabangsa atau kebangsaan dalam tempoh pengajian.

**2.5 Kepimpinan**

Calon pernah mengetuai atau terlibat dalam organisasi pelajar dalam universiti atau aktiviti luar/khidmat masyarakat di luar universiti. Walau bagaimanapun, kesarjanaan seseorang calon dianggap lebih utama melebihi kriteria kepimpinan seseorang calon.

**2.6 Pengiktirafan**

Calon pernah menerima pengiktirafan/anugerah dalam pertandingan rekacipta/inovasi/pembentangan di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.

**3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 3.1 Permohonan terbuka kepada semua pelajar pascasiswazah warganegara dan bukan warganegara peringkat pengajian Doktor Falsafah dan Sarjana (mod penyelidikan) yang akan bergraduat.

- 3.2 Semua maklumat permohonan hanya berdasarkan program pengajian semasa sahaja.

- 3.3 Permohonan akan disenarai pendek di peringkat Fakulti/Institut/Pusat sebelum dimajukan kepada Urusetia Anugerah Pascasiswazah di AKADEMIK UKM. Setiap Fakulti/Institut/Pusat boleh mengemukakan satu sahaja pencalonan bagi setiap kategori Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana. Pemenang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Hadiah dan Pingat sebelum diperakuan oleh SENAT UKM.

- 3.4 Bukti berikut perlu dilampirkan bersama borang permohonan:

- i. bukti penerbitan WoS/SCOPUS/ERA/MyCite yang telah DIDAFTARKAN di dalam e-ReP dan bukti indeks (jika ada);

- ii. sijil menghadiri persidangan antarabangsa atau kebangsaan sebagai pembentang dalam tempoh pengajian yang telah disahkan benar;
  - iii. sijil/surat pengiktirafan/anugerah dan aktiviti yang telah disahkan benar; dan
  - iv. surat pengesahan tamat pengajian oleh Senat UKM.
- 3.5 Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga pemilihan. Pemenang Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana diwajibkan hadir ke Majlis Konvokesyen sekiranya terpilih.
- 3.6 Keputusan penilaian permohonan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

#### **4.0 PROSEDUR PELAKSANAAN**

- 4.1 Fakulti/Institut/Pusat mengemukakan seorang calon pemenang kepada Urusetia Anugerah Pascasiswazah bagi setiap kategori dan bidang berkaitan;
- 4.2 Jawatankuasa Penilai yang ditubuhkan dengan keahlian wakil daripada Fakulti/Institut/Pusat bertanggungjawab membuat penilaian;
- 4.3 Calon-calon yang disenarai pendek dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga peringkat akhir;
- 4.4 Nama-nama pemenang akan dimajukan kepada Urusetia Senat untuk pengesahan;
- 4.5 Pemenang Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana diwajibkan hadir ke Majlis Konvokesyen sekiranya terpilih;
- 4.6 Nama pemenang Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana akan disenaraikan dalam buku cenderamata Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **5.0 PROSES PEMILIHAN**

- 5.1 Proses saringan akan dilakukan oleh panel penilai yang dilantik.
- 5.2 Pengesahan nama penerima Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana akan dibuat pada mesyuarat Senat yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UKM.
- 5.3 Keputusan mesyuarat Senat adalah muktamad.

#### **6.0 HADIAH**

**Hadiyah untuk setiap pemenang adalah mengikut kategori berikut:**

- 6.1 Dua (2) pemenang daripada kategori Kedoktoran akan menerima Pingat Emas bernilai RM1,000, Hadiah Wang Tunai sebanyak RM5,000 dan Sijil setiap seorang.
- 6.2 Dua (2) pemenang daripada kategori Sarjana akan menerima Pingat Emas bernilai RM1,000, Hadiah Wang Tunai sebanyak RM2,500 dan Sijil setiap seorang.

## **7.0 URUS SETIA**

Urusetia bagi Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana UKM adalah:

Unit Kompetensi Siswazah dan Promosi  
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM) Lingkungan 1,  
Blok B, Aras 3, Bangunan Tun Fatimah Hashim  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
03-8921 4207/3100  
[awardsandscholarship@ukm.edu.my](mailto:awardsandscholarship@ukm.edu.my)

Disediakan oleh  
**Unit Kompetensi Siswazah dan Promosi**  
**Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)**  
**9 Mei 2023**